

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi memuktamadkan penyata hutang peneroka yang sekian lama tidak dapat diselesaikan; dan
- b) Berapa jumlah hutang peneroka FELDA keseluruhannya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menubuhkan satu pasukan khas bagi melaksanakan aktiviti memuktamadkan penyata hutang peneroka khususnya bagi perbelanjaan pembangunan tanam semula ladang peneroka.
2. Sehingga 30 September 2020 penyediaan maklumat hutang peneroka yang di kunci kira-kira pada 31 Disember 2019 telah selesai dilaksanakan. Proses seterusnya adalah pembentangan penyata hutang kepada peneroka melalui Jawatankuasa Tanam Semula Rancangan dan seterusnya penyediaan Penyata Hutang yang akan dikeluarkan pada Disember 2020.
3. Berdasarkan jumlah hutang yang direkodkan di dalam Penyata Kewangan FELDA berakhir 31 Disember 2019 sebelum di audit, jumlah keseluruhan hutang peneroka sebelum penjejasan (*impairment*) adalah sebanyak RM12.8 billion.
4. Jumlah keseluruhan hutang ini meliputi Pinjaman Pembangunan Asal, Pinjaman Tanam Semula, Pinjaman Sosio ekonomi dan lain-lain pinjaman yang melibatkan peneroka.

Sekian, terima kasih.